



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden

DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

Timbalan Presiden

KAPTEN NAJMUDDIN B. MOHD IBRAHIM (B)

Naib Presiden

MEJ. JEN. DATO' MOHD YUNUS B. LONG (B)

SALIZA BT ABDULLAH

MOHAMMAD UBAIDILLAH B. IMAN

Setiausaha Kehormat

KU NORAZMI B. DATO' HJ. IMAM ASMAWI

Bendahari Kehormat

IR. SOFIA BT DATO' IR. JOHARI

Penolong Setiausaha

ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

Penolong Bendahari

DATO' HABIBULLAH B. DATO' HJ AHMAD

Ahli-ahli Jawatankuasa

DATO' HJ. JAAFAR B. HJ MAT

KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)

MOHD YUSOFF B. M DAUD

ADNAN B. ABDULLAH

ADILA B. DATO' ABDULLAH

BRIG. JEN. DATO' ZAINAL B. ABD RAHMAN

TUDM(B)

MOHAMMED FADZLAN B. MUSTAPA

DATO' DR. BASANT SINGH SIDHU

DATUK ZAIDI B. MOHAMED

Juruaudit Dalaman

MOHD HODORI B. SARBINI

ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi Zon WP Kuala Lumpur

DATO' ROSMARAYU BT MOKHTAR

Pengerusi Zon Selangor

DATUK SHANKER RAJ AYANGER

Pengerusi Zon Johor

DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

Pengerusi Zon Perak

ZAITON BT MOHD NUSI

Pengerusi Zon Kelantan

AFENDI BIN MUKHTAR

Pengerusi Zon Pahang

MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Zon Pulau Pinang

MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

Pengerusi Zon Kedah & Perlis

DATO' PADUKA HJ AB RAHAMAN BIN JAPAR

Pengerusi Zon Melaka

DATO' GAN PENG LAM

Pengerusi Zon Negeri Sembilan

MEJ. MOHD ZAINAL B. JUNI (B)

Pengerusi Zon Sabah

KAPTEN MAZALAN B. FADZIL (B)

Pengerusi Zon Sarawak

SHAHARUDDIN B. SAMSI

Sekretariat

Pengurus Besar

JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2021(41)

17 OGOS 2021

SEMUA AHLI PIKM

(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-41/2021:

VAKSINASI COVID-19 DI BAWAH PROGRAM IMUNISASI INDUSTRI COVID-19 KERJASAMA AWAM SWASTA (PIKAS)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Seperti mana yang dimaklumkan melalui Surat Edaran PIKM ke-39/2021 bertarikh 3 Ogos 2021, bertajuk Vaksinasi Covid-19 kepada Pengawal Keselamatan, ahli-ahli PIKM telah dimaklumkan berhubung tiga kaedah vaksinasi seperti berikut:

- 2.1 **Pendaftaran vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK);**
- 2.2 **Vaksinasi secara *walk-in* untuk golongan yang tercicir dan belum menerima tarikh janji temu vaksinasi;**
- 2.3 **Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS).**

3. Lanjutan perkara 2.3 seperti di atas, surat ini bertujuan untuk memperincikan perkembangan status Program PIKAS bagi warga Industri Keselamatan Swasta.

4. Sukacita dimaklumkan bahawa Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) melalui Jawatankuasa Khas Penilaian Permohonan Akses Awal Vaksin COVID-19 (JKJAV) telah meluluskan permohonan PIKM sebagai penerima suntikan awal vaksin COVID-19 untuk sektor kawalan keselamatan.

5. Bagi pelaksanaan ini, Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menganjurkan satu sesi perbincangan pada 5 Ogos 2021 (Khamis) yang turut melibatkan wakil PIKM, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), dan CITF. Antara intipati perbincangan adalah seperti berikut:

- 5.1 Industri Keselamatan Swasta telah dipersetujui untuk menyertai **Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam Swasta (PIKAS)** bagi menyegerakan proses vaksinasi warga industri dan mengurangkan bilangan kluster COVID-19 dalam kelompok tempat kerja.

- 5.2 Penyertaan PIKAS adalah secara **sukarela dan terbuka kepada pengawal keselamatan dan semua kategori kakitangan syarikat.**
- 5.3 PIKAS mensyaratkan **syarikat menanggung kos pengurusan vaksinasi bagi pekerja-pekerjanya. Pekerja tidak boleh dikenakan bayaran kos pengurusan vaksinasi.**
- 5.4 Syarikat dikehendaki mendaftar di laman web PIKAS di pautan **pikas.miti.gov.my**. Prosedur permohonan boleh dirujuk secara dalam talian.
- 5.5 **Hanya pekerja yang telah mendaftar dengan MySejahtera sahaja layak mendapat vaksinasi di bawah PIKAS.** Tiada tarikh akhir bagi pendaftaran PIKAS.
- 5.6 Turut dimaklumkan oleh pihak KDN, bahawa **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyarankan supaya semua pengawal keselamatan yang menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan di bawah KPM untuk divaksinasi sebelum sesi persekolahan dan institusi pendidikan lain dibuka.** Bagi tujuan ini, bagi pengawal keselamatan yang belum menerima tarikh vaksinasi, digalakkan untuk memohon di bawah PIKAS.
- 5.7 Majikan yang berminat untuk memohon vaksinasi di bawah PIKAS diminta untuk memastikan pekerja memenuhi kriteria seperti berikut:
- i. Berumur 18 tahun ke atas;
 - ii. Secara sukarela bersetuju untuk menyertai PIKAS;
 - iii. Masih belum mendapat temujanji dari program imunisasi lain yang dijalankan oleh kerajaan persekutuan/ negeri;
 - iv. Termasuk pekerja yang pernah dijangkiti COVID-19 lebih dari tiga (3) bulan sebelum pendaftaran; dan
 - v. Tidak hamil.
- 5.8 Vaksinasi melalui PIKAS dilaksanakan melalui **dua (2) model** iaitu:
- i. **Model 1 adalah vaksinasi melalui kemudahan PPV (pusat saringan yang ditetapkan PIKAS) umum yang berhampiran dengan lokasi syarikat.**
 - ii. **Model 2 merujuk kepada vaksinasi di lokasi premis syarikat (*on-site*) atau di lokasi yang dikenal pasti dan dipersetujui.**
 - iii. **Setelah penelitian dibuat, Model 1 adalah lebih sesuai bagi industri keselamatan.**
- 5.9 Pekerja yang berdaftar akan dimaklumkan melalui **MySejahtera dan SMS** bagi tarikh vaksinasi dan lokasi PPV di bawah PIKAS. Wakil syarikat akan dimaklumkan melalui **e-mel** yang didaftarkan.

5.10 Sekiranya **pekerja telah menerima tarikh vaksinasi** lebih awal di bawah PICK, atau program lain, **pekerja tersebut tidak akan dapat menerima vaksinasi di bawah PIKAS.**

5.11 **Jenis vaksin** yang diberikan akan dikenal pasti oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) dan berdasarkan lokasi PPV.

5.12 Untuk keterangan lanjut, bersama ini dilampirkan **Soalan Lazim (FAQ) PIKAS.**

6. Pecahan **kos vaksinasi bagi satu dos** bagi setiap pekerja adalah seperti berikut:

Bil.	Butiran	PPV	On-site
1.	Vaksin	Percuma	Percuma
2.	Kos pentadbiran vaksin kepada ProtectHealth	RM15.00	RM15.00
3.	Kos tempat PPV	RM30.00	Bergantung pada kos penyediaan tempat / lokasi yang perlu disediakan oleh majikan berdasarkan ukuran, susun atur dan kos lain untuk menyediakan tempat tersebut.
Jumlah		RM45.00 X 2 dos = RM90 (tidak termasuk cukai)	RM15 + kos penyediaan PPV oleh majikan

7. **Insentif bagi kos PIKAS:**

Majikan yang berdaftar di bawah Perbadanan Sumber Manusia Berhad (atau HRD Corporation), boleh menggunakan baki levi semasa sehingga 10% bagi kos pengurusan vaksin;


- i. Tarikh permohonan tuntutan bermula **15 Ogos 2021**;
- ii. Tuntutan perlu dikemukakan **dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh vaksinasi dos kedua selesai**;
- iii. Pembayaran balik adalah tertakluk kepada baki levi sedia ada dengan **4% caj perkhidmatan** untuk keseluruhan tuntutan yang diluluskan. Jumlah tuntutan akan dibayar balik kepada majikan dan caj perkhidmatan akan ditolak daripada baki levi.
- iv. Pendaftaran boleh dikemukakan melalui pautan seperti berikut; **<https://protek.hrdcorp.gov.my/>**

- v. Untuk keterangan lanjut berhubung tatacara permohonan tuntutan bayaran kos pengurusan vaksin ini, sila hubungi Bahagian Sokongan PROTEK HRD Corp **di talian 03-8602 9280.**

Untuk makluman dan tindakan ahli-ahli selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,‘

A handwritten signature in black ink, consisting of a vertical line that loops around a horizontal line, ending in a long, sweeping tail that extends to the right.

**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF
PRESIDEN**



SOALAN LAZIM (FAQ)

PROGRAM IMUNISASI INDUSTRI COVID-19 KERJASAMA AWAM-SWASTA (PIKAS)

A. SOALAN UMUM MENGENAI PIKAS

1. Apa itu PIKAS?

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan (KKM) telah bersetuju supaya Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) dilancarkan untuk melengkapkan Program Imunisasi COVID-19 Nasional (PICK) bagi mempercepatkan imunisasi Rakyat.

PIKAS ditujukan kepada pekerja-pekerja di sektor pembuatan yang mana MITI telah ditugaskan untuk menyelaraskan program imunisasi sektor pembuatan. Beberapa kementerian lain juga akan dipertanggungjawabkan bagi sektor masing-masing.

Objektif program kerjasama awam-swasta ini adalah untuk memudahkan usaha Kerajaan untuk mempercepatkan vaksinasi untuk Rakyat dan mencapai imuniti kelompok (*herd immunity*) dengan meningkatkan pengambilan vaksinasi di kalangan tenaga kerja di Malaysia dan mengurangkan bilangan kluster COVID-19 dalam kelompok tempat kerja. Ini akan melindungi kesejahteraan pekerja-pekerja dan seterusnya membantu mempercepatkan pemulihan ekonomi Malaysia.

PIKAS adalah program kerjasama awam-swasta yang **disokong oleh sektor swasta** yang bersetuju untuk menyediakan fasiliti di tempat kerja, pusat konvensyen dan pusat pameran sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang merangkumi kedua-dua perkhidmatan iaitu **kakitangan perubatan, bukan perubatan dan perkhidmatan keselamatan**.

2. Bagaimana cara untuk mendaftar dalam PIKAS?

Syarikat dikehendaki mendaftar di pikas.miti.gov.my. Prosedur permohonan boleh dirujuk secara dalam talian.

Hanya pekerja yang telah mendaftar dengan MySejahtera sahaja layak mendapat vaksinasi di bawah PIKAS.

Walau bagaimanapun, majikan diminta untuk memastikan pekerja yang dipilih untuk program ini:



- i. adalah dari sektor ekonomi kritikal berumur ≥ 18 tahun;
- ii. secara sukarela bersetuju untuk menyertai PIKAS;
- iii. masih belum mendapat temujanji dari program imunisasi lain yang dijalankan oleh persekutuan/ negeri;
- iv. termasuk pekerja yang pernah dijangkiti COVID-19 lebih dari tiga (3) bulan sebelum pendaftaran; dan
- v. tidak hamil. (Pekerja yang hamil boleh mengambil bahagian dalam program yang dijalankan untuk ibu hamil di bawah Program Imunisasi Nasional (NIP)).

3. Bilakah syarikat saya boleh mendaftar? Adakah tarikh akhir bagi penyerahan pendaftaran?

Berkuatkuasa pada 1 Julai 2021, syarikat dikehendaki mendaftar secara dalam talian melalui pikas.miti.gov.my. Syarikat dikehendaki membaca Soalan lazim (FAQ) dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Program yang boleh dimuat naik dari laman web MITI. Syarikat disyaratkan untuk memastikan semua pekerja yang menyertai PIKAS telah pun berdaftar di MySejahtera untuk PICK.

Tidak ada tarikh akhir bagi pendaftaran PIKAS.

4. Siapa yang boleh memohon PIKAS?

Syarikat dari sektor pembuatan boleh membuat permohonan di bawah PIKAS. Sektor pertanian, pembinaan, perladangan dan peruncitan boleh merujuk kepada kementerian masing-masing seperti berikut:

- Pertanian - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)
- Pembinaan - Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Kementerian Kerja Raya (KKR)
- Perladangan - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
- Peruncitan - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

5. Adakah vaksinasi diberikan secara percuma?

Vaksin adalah percuma. Pihak Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memberikan vaksin secara percuma kepada PPV.

6. Bagaimana PIKAS dilaksanakan?



Vaksinasi melalui PIKAS dilaksanakan melalui dua (2) model. Model 1 adalah vaksinasi melalui kemudahan PPV umum sementara Model 2 merujuk kepada vaksinasi di lokasi premis kilang/syarikat atau di lokasi yang dikenal pasti dan dipersetujui.

7. Adakah vaksinasi melalui PIKAS wajib bagi semua pekerja dan majikan?

Penyertaan PIKAS adalah secara sukarela. Syarikat dan pekerja adalah digalakkan untuk mendaftar untuk PIKAS bagi membantu mempercepatkan kadar imunisasi di dalam komuniti.

8. Bolehkah syarikat memasukkan tanggungan (ahli keluarga) pekerja dalam permohonan?

Tidak boleh, inisiatif ini adalah hanya untuk pekerja dan tidak melibatkan tanggungan, ahli keluarga dan rakan sekerja.

9. Bagaimana syarikat dan pekerja akan dimaklumkan sekiranya permohonan itu diluluskan?

Maklumat temujanji seperti tarikh dan lokasi vaksinasi akan dimaklumkan kepada pekerja melalui MySejahtera dan SMS. Wakil syarikat sepertimana yang didaftarkan dalam aplikasi akan dimaklumkan melalui e-mel.

10. Saya telah mendaftar untuk menyertai PICK melalui MySejahtera. Apa yang akan berlaku pada permohonan saya sekiranya saya memilih untuk menyertai PIKAS?

Adalah disyaratkan bagi pekerja untuk mendaftar untuk PICK melalui MySejahtera sebelum syarikat mendaftar untuk PIKAS.

Pekerja akan dimaklumkan melalui MySejahtera tarikh vaksinasi dan lokasi PPV di bawah PIKAS.

Sekiranya pekerja telah menerima tarikh vaksinasi lebih awal di bawah PICK, *AstraZeneca Opt-in Program* atau program lain, pekerja tidak akan dapat menerima vaksinasi di bawah PIKAS.



11. Saya telah mendaftar untuk mengambil bahagian dalam Program Imunisasi yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri. Adakah ini akan mempengaruhi permohonan saya di PIKAS?

Pihak Kerajaan telah memberi jaminan bahawa setiap orang yang mendaftar untuk vaksinasi layak divaksinasi tanpa mengira mana-mana Program Imunisasi.

12. Bolehkah saya menukar tarikh vaksinasi di bawah PIKAS setelah kelulusan diberikan kepada saya?

Anda digalakkan untuk mematuhi tarikh vaksinasi COVID-19 seperti yang dijadualkan di MySejahtera. Namun, sekiranya anda tidak dapat mengikuti program imunisasi pada tarikh yang ditentukan disebabkan perkara yang tidak dapat dielakkan, mohon dimaklumkan kepada KKM di talian 1-800-888-828 untuk menjadualkan semula tarikh tersebut. Ingin dimaklumkan bahawa tarikh vaksinasi hanya dibenarkan untuk dijadual semula sebanyak satu (1) kali sahaja.

13. Bolehkah saya memilih jenis vaksin untuk diberikan kepada saya?

Jenis vaksin yang diberikan akan dikenal pasti oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) dan berdasarkan lokasi PPV.

Anda dikehendaki hadir di PPV mengikut jadual yang diberikan. Anda boleh menolak jenis vaksin yang akan ditetapkan selepas melalui proses pendaftaran di PPV.

Perlu diambil maklum bahawa anda hanya boleh menolak pemberian vaksin tidak lebih dari dua (2) kali. Selepas itu, nama anda akan dikeluarkan dari program imunisasi dan anda perlu mendaftar semula di MySejahtera sekiranya anda ingin turut serta dalam Program Imunisasi.

14. Adakah Syarikat yang menyertai PIKAS layak menerima insentif?



Bagi menggalakkan pelaksanaan PIKAS dan mengurangkan tanggungan syarikat, sejumlah RM150 juta telah diperuntukkan. Di bawah inisiatif ini:

- i. Majikan yang berdaftar di bawah Perbadanan Sumber Manusia Berhad (atau HRD Corporation), boleh menggunakan baki levi semasa sehingga 10% bagi kos pengurusan vaksin;
- ii. Kerajaan juga bersetuju untuk memberi potongan cukai ke atas perbelanjaan merangkumi kos peralatan dan perkhidmatan penyediaan PPV oleh majikan. Selain itu, potongan cukai ke atas sumbangan COVID-19 melalui projek komuniti atau amal juga diperluaskan meliputi sumbangan kepada PPV; dan
- iii. Kerajaan bersedia mempertimbangkan kebenaran kepada syarikat untuk beroperasi pada kapasiti penuh sekiranya semua pekerja telah lengkap menerima dua (2) dos vaksin.

15. Siapa yang harus dirujuk untuk pertanyaan lebih lanjut?

Semua pertanyaan boleh ditujukan ke e-mel pikas.enquiry@miti.gov.my atau pusat panggilan MITI di:

- i. 03-62071193;
- ii. 03-62071194;
- iii. 03-62071195; or
- iv. 03-62071196.

Waktu operasi adalah dari Isnin hingga Jumaat, 9.00 pagi to 5.00 petang.

B. MODEL 1: VAKSINASI PADA PENGGUNAAN UMUM PPV

16. Siapa yang boleh memohon Model 1?

Mana-mana syarikat yang berminat untuk menghantar pekerja-pekerja mereka untuk vaksinasi di PPV yang berhampiran dengan lokasi syarikat.

17. Sekiranya pekerja yang mendaftar untuk PIKAS meninggalkan Syarikat sebelum menerima imunisasi penuh di bawah program ini, adakah syarikat masih perlu menanggung kos vaksinasi berikutnya?



Syarikat diminta **menanggung sepenuhnya kos pengurusan imunisasi** untuk pekerja-pekerja yang terpilih untuk menyertai PIKAS. Syarikat hendaklah menggalakkan pekerjanya untuk memenuhi syarat-syarat imunisasi sepenuhnya.

- 18. PIKAS mensyaratkan syarikat membayar kos pengurusan vaksinasi bagi pekerja-pekerjanya. Bolehkah syarikat memotong gaji pekerja untuk membayar balik pembayaran bagi vaksinasi?**

Semua kos di bawah program ini mesti ditanggung oleh syarikat. Pekerja tidak boleh dikenakan bayaran kos pengurusan vaksinasi.

- 19. Bagaimana sekiranya jumlah pekerja yang hadir pada hari vaksinasi kurang daripada jumlah pekerja yang didaftarkan?**

Pembayaran kepada PPV adalah tertakluk kepada kontrak di antara syarikat yang mengambil bahagian dan pihak PPV. Pihak PPV akan membuat perancangan untuk vaksinasi berdasarkan jumlah pekerja yang didaftarkan.

Adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk memastikan semua pekerja yang terpilih untuk program ini hadir. Syarikat diberi pilihan menggantikan pekerja yang tidak hadir dengan pekerja yang dijadualkan untuk divaksinasi pada tarikh keesokkannya.

MODEL 2: VAKSINASI DI TAPAK (ON-SITE)

- 20. Bolehkah syarikat memilih kemudahan/ lokasinya sendiri sebagai PPV?**

Ya, syarikat atau kumpulan syarikat **dibenarkan untuk mengenal pasti** kemudahan/ lokasi yang sesuai untuk PPV. Pasukan Petugas Imunisasi COVID-19 (CITF), MOSTI akan memeriksa dan akan memberi cadangan penambahbaikan.

Syarikat secara persendirian atau berkumpulan bersama syarikat lain, perlu mendapatkan sekurang-kurangnya 1,000 pekerja untuk vaksinasi di tempat tersebut. Syarikat juga perlu mengenal pasti dan menyediakan PPV yang sesuai untuk memberi vaksinasi pekerja.



21. Apakah syarat untuk vaksinasi *on-site*?

- i. Sekurang-kurangnya 1,000 pekerja telah mendaftar.
- ii. Sebuah syarikat boleh bergabung dengan syarikat lain dalam kawasan yang sama untuk mendapatkan 1,000 pekerja.
- iii. Syarikat dengan anak syarikat yang berlokasi di negeri yang berlainan tidak dibenarkan dikumpulkan dalam satu PPV kerana pergerakan antara negeri tidak dibenarkan.


22. Apa yang akan dilakukan dengan vaksin yang dibawa ke lokasi PPV sekiranya pekerja yang hadir adalah kurang daripada bilangan yang dirancang untuk diberi vaksin pada hari itu?

Jumlah vaksin yang akan diberikan pada hari tersebut adalah mengikut jumlah pekerja yang mendaftar untuk vaksinasi. Namun sekiranya, jumlah pekerja yang dijadualkan untuk divaksinasi pada hari itu kurang, syarikat boleh menggantikan pekerja tersebut dengan pekerja lain yang dijadualkan pada hari berikutnya.

23. Apakah kriteria untuk menubuhkan PPV *on-site*?

Berikut adalah kriteria yang diperlukan untuk menubuhkan PPV *on-site* atau di tempat kerja:

- i. Syarikat/ kumpulan syarikat yang mempunyai sekurang-kurangnya 1,000 orang pekerja;
- ii. Ruang yang cukup untuk menempatkan lima (5) stesen utama untuk PPV iaitu, Pemeriksaan, Pendaftaran, Konsultasi, Vaksinasi dan Pemantauan. Susun atur (*layout*) yang dicadangkan adalah seperti di bawah:



- iii. Memastikan ketersediaan ambulans untuk tujuan kecemasan sepertimana yang disyorkan oleh *COVID-19 Immunization Task Force* (CITF); dan
- iv. Diluluskan oleh CITF dan MITI susulan daripada pemeriksaan di lokasi yang dicadangkan.

Jumlah vaksin yang diberikan di PPV bergantung kepada ketersediaan dan jumlah pegawai perubatan yang ditugaskan di PPV *on-site*.

24. Sebagai wakil syarikat (PIC), saya menerima pengesahan melalui e-mel bahawa permohonan syarikat saya untuk vaksinasi di PIKAS PPV yang dipilih telah diluluskan. Apakah yang perlu disediakan oleh syarikat saya?

Setelah dimaklumkan mengenai tarikh vaksinasi, syarikat diminta untuk membuat perancangan berikut:

- i. Sahkan penyertaan syarikat kepada pengendali tempat PIKAS PPV yang ditugaskan;
- ii. Memeterai perjanjian dengan pengendali tempat PIKAS PPV. Untuk menyerahkan perjanjian yang ditandatangani kepada pengendali tempat sebelum tarikh vaksinasi pertama;



- iii. Melunaskan pembayaran penuh kepada pengendali tempat PIKAS PPV sekurang-kurangnya lima (5) hari bekerja sebelum tarikh vaksinasi; dan
- iv. Merancang penyusunan logistik yang diperlukan untuk pekerja pergi dan balik dari PIKAS PPV.

25. Berapakah kos vaksinasi di bawah Model 1 dan Model 2?

Kerajaan menyediakan vaksin percuma kepada pekerja untuk Model 1 dan 2 di bawah PIKAS.

Pecahan kos vaksinasi bagi satu dos bagi setiap pekerja adalah seperti berikut:

No.	Butiran	PPV	On-site
1.	Vaksin	Percuma	Percuma
2.	Kos pentadbiran vaksin kepada ProtectHealth	RM15.00	RM15.00
3.	Kos tempat PPV	RM30.00	Bergantung pada kos penyediaan tempat di lokasi yang berbeza berdasarkan ukuran, susun atur dan kos lain untuk menyediakan tempat tersebut.
Jumlah (setiap dos/ pekerja)		RM45.00	RM15 + kos penyediaan PPV

Note: kadar anggaran yang tertera di atas tidak termasuk cukai.

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)
6 JULAI 2021**